

SMS-JPJ ALOR STAR

SOALAN

27/04/2010

HARIAN METRO

HARAP JPJ Alor Setar baiki jalan masuk ke JPJ kerana jalannya banyak berlubang. Ini menyebabkan banyak kenderaan mengalami kerosakan.

BUJANG82 [IMB61217]

MAKLUMBALAS

10/05/2010

HARIAN METRO

Merujuk kepada aduan BUJANG(IMB 61217) bertarikh 27 April 2010. Untuk makluman, jalan masuk ke JPJ Alor Setar adalah terletak di bawah penyelenggaraan Majlis Bandaraya Alor Star (MBAS). Pihak JPJ Negeri Kedah telah memaklumkan kepada MBAS berkaitan dengan kerosakan jalan tersebut. Pada 19 April 2010 satu lawatan kerja ke JPJ Kedah oleh Y.B Encik Tan Joon Long Pengerusi Jawatankuasa Pengangkutan Negeri Kedah dan isu berkaitan kerosakan jalan tersebut telah dikemukakan sekali lagi. Isu yang sama juga telah di bangkitkan semasa mesyuarat bulanan penyelarasan bersama agensi-agensi di Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) bertarikh 20 April 2010. Berdasarkan aduan ini, pihak Jabatan sekali lagi telah menghubungi MBAS dan pihak MBAS telah berjanji akan menyelesaikan masalah ini dalam tempoh masa yang terdekat.

Sekian.

**Pegawai Perhubungan Awam
Jabatan Pengangkutan Jalan
Negeri Kedah.**